



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA, MEI 2026

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 9.1 peratus pada Mei 2026

PUTRAJAYA, 13 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mei 2026**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti getah.

DOSM menyatakan pengeluaran getah asli meningkat 9.1 peratus pada Mei 2026 (20,198 tan metrik) berbanding pada April 2026 (18,515 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 16.7 peratus (Mei 2025: 24,256 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mei 2026 disumbangkan terutamanya oleh pekebun kecil (89.4%) berbanding estet (10.6%).

Jumlah stok getah asli pada Mei 2026 menurun 6.2 peratus kepada 122,658 tan metrik berbanding 130,698 tan metrik pada April 2026. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 77.8 peratus diikuti kilang pengguna getah (22.0%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 28,741 tan metrik pada Mei 2026, menurun 23.1 peratus berbanding April 2026 (37,360 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 42.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2026 diikuti Jerman (14.6%), Amerika Syarikat (11.2%), Turkiye (4.3%) dan India (3.8%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai RM1.2 billion pada Mei 2026, menurun 14.1 peratus berbanding April 2026 (RM1.4 billion).

Dari segi harga purata bulanan menunjukkan lateks pekat merekodkan 763.16 sen sekilogram pada Mei 2026 berbanding 754.69 sen sekilogram pada April 2026 (+1.1 peratus). Manakala sekerap merekodkan harga purata bulanan 747.78 sen sekilogram pada Mei 2026 berbanding 691.26 sen sekilogram pada April 2026 (+8.2 peratus). *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga Mei 2026 bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) adalah USD2.21/kg meningkat 7.3 peratus daripada USD2.06/kg dan harga SGP/MYS

(Singapura/Malaysia) adalah USD2.69/kg meningkat 7.2 peratus daripada USD2.51/kg pada bulan sebelum.

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Mei 2026, pasaran getah Kuala Lumpur mengekalkan trend meningkat sepanjang bulan ini, disokong oleh kebimbangan berterusan mengenai bekalan getah asli yang terhad semasa musim daun getah luruh, peningkatan harga minyak mentah susulan gangguan berterusan akibat konflik Amerika Syarikat-Iran, serta petunjuk permintaan yang bertambah baik daripada pasaran pembuatan utama dan automotif. Sentimen pasaran turut diperkukuh oleh harga getah asli yang lebih tinggi di pasaran serantau, jangkaan bekalan yang lebih terhad akibat cuaca kering berpanjangan di negara-negara pengeluar utama, dan kebimbangan mengenai potensi kesan fenomena El Niño pada separuh kedua tahun 2026. Kenaikan harga petroleum terus meningkatkan kos pengeluaran getah sintetik, sekali gus menggalakkan peralihan kepada penggunaan getah asli.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mei 2025, April - Mei 2026 ('000 tan metrik)



Carta 2: Eksport dan import bagi getah asli Mei 2025, April - Mei 2026 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 JULAI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA, MAY 2026

Malaysia natural rubber production increased by 9.1 per cent in May 2026

PUTRAJAYA, 13TH JULY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, May 2026**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber.

DOSM stated Natural Rubber (NR) production increased by 9.1 per cent in May 2026 (20,198 tonnes) as compared to April 2026 (18,515 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 16.7 per cent (May 2025: 24,256 tonnes). Production of NR in May 2026 for Malaysia was mainly contributed by smallholders (89.4%) as compared to estates (10.6%).

Total stocks of NR in May 2026 decreased by 6.2 per cent to 122,658 tonnes as compared to 130,698 tonnes in April 2026. Rubber processors factory contributed 77.8 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (22.0%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 28,741 tonnes in May 2026, decreased by 23.1 per cent as against April 2026 (37,360 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 42.7 per cent of total exports in May 2026 followed by Germany (14.6%), the United States of America (11.2%), Turkiye (4.3%) and India (3.8%). The exports performance was contributed by NR-based product such as rubber gloves, tyre, tube and rubber thread. Rubber gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.2 billion in May 2026, a decrease of 14.1 per cent as compared to April 2026 (RM1.4 billion).

In term of the average monthly price showed that concentrated latex recorded 763.16 sen per kilogram in May 2026 as compared to 754.69 sen per kilogram in April 2026 (+1.1 per cent). Meanwhile scrap recorded the average monthly price 747.78 sen per kilogram in May 2026 as compared to 691.26 sen per kilogram in April 2026 (+8.2 per cent). The World Bank Commodity Price Data reported the prices May for TSR 20 (Technically Specified Rubber) was USD2.21/kg has increased 7.3 per cent from USD2.06/kg and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) was USD2.69/kg has increased 7.2 per cent from USD2.51/kg in previous month.

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in May 2026, the Kuala Lumpur rubber market maintained an upward trend throughout this month, supported by persistent concerns over tight natural rubber supply during the seasonal wintering period, elevated crude oil prices amid ongoing disruptions linked to the United States of America-Iran conflict, and improving demand indicators from key manufacturing and automotive markets. Market sentiment was further underpinned by higher natural rubber prices in regional markets, expectations of tighter supply due to prolonged dry weather conditions in major producing countries, and concerns over potential El Niño impacts in the second half of the year. Rising petroleum prices continued to increase synthetic rubber production costs, encouraging substitution towards natural rubber.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agricultural sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber May 2025, April - May 2026 ('000 tonnes)





Chart 2: Exports and imports of natural rubber May 2025, April - May 2026 ('000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 JULY 2026**